

Geografi Tingkatan 1 2017

Peperiksaan Akhir Tahun 2017

Masa: 1 jam 30 minit

Nama: _____
Kelas: _____

Kertas soalan ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Jawab semua soalan. Baca soalan dengan **teliti** sebelum mula menjawab.

Bahagian A – Pemahaman Asas Geografi (35 markah)

1) Berikut ialah arah angin utama **kecuali**:

- a) utara b) selatan c) barat daya d) timur

2) Sebuah masjid terletak ke arah utara sebuah sekolah. Pasar pula terletak ke timur masjid manakala padang terletak ke barat sekolah.

Sekolah terletak ke arah _____ padang (gunakan padang sebagai titik rujukan).

- a) selatan b) utara c) tenggara d) barat laut

3) Semasa matahari terbit, Abu berdiri dan menghadap matahari. Dia mendepakan tangannya. Tangan kanannya menunjukkan arah:

- a) selatan b) utara c) timur d) barat

4) Malaysia terletak di utara Garisan Khatulistiwa. Garisan ini terletak di:

- a) latitud 23 darjah
b) longitud 0 darjah
c) latitud 0 darjah
d) longitud 180 darjah

5) Yang manakah simbol pandang darat budaya?

- I) Getah II) Gunung III) kelapa sawit IV) Nipah
a) II sahaja b) II dan IV sahaja c) I dan III sahaja d) I, III dan IV sahaja

6) Negeri manakah bersempadan dengan Brunei Darussalam?

- a) Sabah b) Indonesia c) Laut China Selatan d) Sarawak

7) Negeri manakah bersempadan dengan dua buah Wilayah Persekutuan negara kita?

- a) Kuala Lumpur b) Selangor c) Sabah d) Perak

8) Kuantan terletak paling hampir dengan negeri:

- a) Selangor b) Terengganu c) Johor d) Perak

9) Benua Asia dapat dihubungi dengan daratan dengan benua:
a) Amerika Utara b) Afrika c) Australia d) Amerika Selatan

10) Malaysia terletak di benua Asia dan paling hampir dengan benua:
a) Australia b) Afrika c) Eropah d) Amerika Selatan

11) Semenanjung Malaysia dan Sabah serta Sarawak dipisahkan oleh:
a) Lautan China Selatan b) Selat Melaka c) Selat Tebrau d) Laut China Selatan

12) Tsunami disebabkan oleh:
a) hanyutan benua b) gempa bumi c) letusan gunung berapi d) hujan lebat

13) Magma berasal daripada:
a) mantel b) kerak bumi c) teras dalam d) teras luas

14) Manusia dan tumbuhan ialah contoh sistem fizikal:
a) litosfera b) biosfera c) atmosfera d) hidrosfera

15) Malaysia mempunyai pelbagai bentuk muka bumi. Antaranya ialah tanah tinggi.
Apakah definisi tanah tinggi?
a) mempunyai ketinggian di bawah 180meter
b) mempunyai ketinggian melebihi 180 meter
c) dikelilingi kabus dan berasa dingin
d) Kawasan yang perlu didaki

16) Negara kita mempunyai gunung tertinggi di Asia Tenggara. Gunung ini terletak di Banjaran:
a) Titiwangsa b) Crocker c) Brassey d) Trus Madi

17) Teluk dan tanjung wujud kerana:
a) hakisan ombak d) letusan gunung berapi c) magma d) gempa bumi

18) Perhatikan gambar di bawah terutamanya di kawasan sepanjang pasir. Bentuk muka bumi ini dipanggil:



a) Tanjung b) Teluk c) Batu tinggi c) Tanah Tinggi

19) Teliti Jadual 1 di bawah.

Nama Kampung	Tempat Menarik
Kampung Tanah Merah	Air terjun yang dingin dan bersih
Kampung Tok Janggut	Mempunyai delta yang subur dan ditanam dengan pelbagai bunga yang cantik
Kampung Albi	Dikelilingi tasik ladang yang cantik
Kampung Cergas	Dibina atas tetambak dan dikelilingi air

Jadual 1: Senarai Kampung dan tempat menarik

Kampung manakah yang terletak di hulu sungai:

- a) Kampung Tanah Merah b) Kampung Tok Janggut c) Kampung Albi
- d) Kampung Cergas

20) Alia ingin menaiki bot dari Sibu ke Kapit. Sungai apakah yang akan digunakan olehnya?

- a) Sungai Pahang b) Sungai Rajang c) Sungai Baram d) Sungai Kinabatangan

21) Sungai apakah yang terletak di pantai timur Sabah?

- a) Sungai Sabah b) Sungai Rajang c) Sungai Baram d) Sungai Kinabatangan

22) Berikut ialah sungai yang menjadi sempadan **kecuali**:

- a) Sungai Bernam b) Sungai Golok c) Sungai Endau d) Sungai Pahang

23) Ibu negara kita, Kuala Lumpur, mempunyai taburan penduduk yang padat.

Ramalkan jumlah penduduk setiap sekilometer persegi di Kuala Lumpur.

- a) 1700 orang b) 178 orang c) 18 orang d) 1.7 juta orang

24) Apakah persamaan antara FELDA and Putrajaya?

- a) kawasan pertanian b) kawasan pentadbiran c) ditubuhkan kerana dasar kerajaan d) mempunyai penduduk yang padat

25) Pekan dan Kuala Kangsar ialah contoh bandar:

- a) pelabuhan b) diraja c) satelit d) sempadan

26) Apakah yang dimaksudkan dengan bandar satelit?

- a) bandar sokongan kepada bandar utama b) bandar di mana perdagangan berlaku c) bandar di mana Istana terletak d) bandar di mana satelit dibina


27) Apakah jenis petempatan yang wujud di sepanjang Sungai?

- a) berjajar b) berpusat c) pertempatan bandar d) petempatan luar bandar

- 28) Negara manakah yang tidak mempunyai warna kuning dalam benderanya?
a) Malaysia b) Brunei Darussalam c) Timor Leste d) Kemboja
- 29) Semua negara di Asia Tenggara mempunyai pinggir laut kecuali:
a) Laos b) Kemboja c) Myanmar d) Vietnam
- 30) Tolse Sap, Danau Toba, Loagan Bunut ialah contoh:
a) Gunung b) Tasik c) Sungai d) tempat di luar Malaysia
- 31) Bandar manakah dikenali sebagai Venice Timur:
a) Kuala Lumpur b) Singapura c) Bangkok d) Manila
- 32) Sungai ini mengalir melalui tiga buah negara Asia Tenggara. Apakah nama sungai ini?
a) Sungai Irrawaddy b) Sungai Mekong c) Menam Chao Phraya d) Tonle Sap
- 33) Proses air hujan mengalir masuk ke dalam tanah disebut:
a) Infiltrasi b) Intersepsi c) sejatan d) banjir kilat
- 34) El Nino menyebabkan:
a) kemarau b) musim dingin c) banjir kilat d) pencemaran sungai
- 35) Berikut ialah bahan bukan organik kecuali:
a) besi buruk b) kaca c) plastik d) kertas

Bahagian B – Peta (35 markah)

36) Labelkan semua negeri di Malaysia di atas peta ini (10 markah).



37) Nyatakan ibu negeri bagi senarai negeri di Jadual 2. (5 markah)

Nama Negeri	Ibu Negeri
Selangor	
Sabah	
Pulau Pinang	
Melaka	
Johor	

Jadual 2: Senarai nama negeri dan ibu negerinya

38) Labelkan semua negara di Asia Tenggara di Jadual 3 dan **gunakan pen anda untuk melorek Timur Leste di peta di bawah**. Nyatakan juga ibu negara-negara ini di Jadual 3 (20 markah).



Nombor di peta di atas	Nama Negara	Ibu Negara
1		
2		
3		
4		
5		
6		
7		
8		
9		
10		

Jadual 3: Nama negara di Asia Tenggara dan Ibu Negara masing-masing.

Nama ibu negara Timur Leste:.....

.....

Bahagian C: Soalan Esei Pendek (30 markah)

39) Mengapakah ahli geografi menghasilkan garisan latitud dan longitud? (2 markah)

40) Anda tersesat di hutan semasa matahari hampir terbenam. Anda tidak memiliki kompas. Anda tahu bahawa kawasan khemah anda terletak di kawasan selatan hutan ini. Bagaimanakah anda akan kembali ke kawasan khemah anda? (4 markah)

41) Alia bercadang untuk melawat Kuala Lumpur dari Perlis dengan memandu keretanya. Dia berhasrat untuk:

- 1) memulakan perjalanan dari Perlis
- 2) melawat setiap negeri di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Putrajaya
- 3) hanya melawat setiap negeri sekali sahaja
- 4) tiba di Kuala Lumpur sebagai destinasi terakhirnya.

Berdasarkan hasrat Alia, cadangkan perjalanan dari Perlis ke Kuala Lumpur yang seharusnya diikuti olehnya? (6 markah)

42) Mengapakah gempa bumi berlaku? (2 markah)

43) Apakah kepentingan tanah tinggi di Malaysia? (2 markah)

44) Bandingkan darjah kertersampaian di Kapit dan Kuala Lumpur (2 markah).

45) Bagaimanakah anda menjadikan kawasan berpenduduk jarang menjadi kawasan berpenduduk padat? (6 markah)

46) Apakah langkah-langkah yang sewajarnya diambil untuk membendung masalah krisis air di Malaysia? (4 markah).

47) Bagaimanakah anda akan membuang minyak masak yang telah anda digunakan? (2 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT